



Terma & Syarat Kempen “Get Paid to Transact Online”

1. RHB Bank Berhad (No Syarikat. 6171-M) dan RHB Islamic Bank Berhad (Company No: 680329-V) akan dikenali sebagai “RHB”.
2. Kempen “Get Paid to Transact Online” (“Kempen”) akan bermula dari 1 April 2018 sehingga 31 Disember 2018, termasuk kedua-dua tarikh yang dinyatakan (“Tempoh Kempen”).
3. Kempen ini terbuka kepada pelanggan perniagaan RHB yang telah dijemput untuk menyertai Kempen ini melalui email atau surat rasmi sahaja.
4. Pelanggan yang memenuhi Kriteria 1 dan salah satu Kriteria 2 yang dinyatakan di bawah (“Pelanggan yang Layak”) akan diberi ganjaran seperti berikut melalui Kempen ini:-

Kriteria Kempen		
Kriteria 1		Pengeluaran cek berkurang sebanyak minimum 20% pada Tahun 2018 berbanding Tahun 2017.
Kriteria 2 (memenuhi salah satu kriteria a or b)	2(a)	Menambah bilangan bayaran elektronik melalui RHB Refleks sebanyak 10% pada Tahun 2018 berbanding Tahun 2017 tertakluk kepada minimum bayaran sebanyak 20 bayaran.
	2(b)	Meningkatkan baki purata akaun semasa pada Tahun 2018 sebanyak minimum 5% berbanding Tahun 2017. Kriteria ini tidak tertakluk bagi pelanggan dengan baki negatif di akaun semasa.

5. Prestasi kempen ini akan dipantau dan diberi ganjaran pada setiap suku tahun, Suku Ke-2 (S2), Suku Ke-3 (S3) dan Suku Ke-4 (S4). Sebagai contoh, transaksi S2 Tahun 2018 akan dibandingkan dengan transaksi S2 Tahun 2017.

Struktur Ganjaran bagi Pelanggan yang Layak	
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Ganjaran akan diberikan dalam bentuk baucar tunai. ▪ Baucar tunai akan diberi berdasarkan peratusan (%) pengurangan pengeluaran cek pada Tahun 2018 berbanding dengan Tahun 2017 pada setiap suku tahun. 	
Jika Pelanggan mengurangkan pengeluaran cek sebanyak 20%	Jika Pelanggan mengurangkan pengeluaran cek sebanyak 35%
Pelanggan mendapat RM1 bagi setiap cek yang dikurangkan. Contoh: Jika Pelanggan mengurangkan pengeluaran cek daripada 1,000 cek pada S2 Tahun 2017 kepada 800 cek pada S2 Tahun 2018. Pelanggan akan mendapat RM1 bagi setiap 200 cek yang dikurangkan.	Pelanggan mendapat RM2 bagi setiap cek yang dikurangkan. Contoh: Jika Pelanggan mengurangkan pengeluaran cek daripada 1,000 cek pada S2 Tahun 2017 kepada 650 cek pada S2 Tahun 2018. Pelanggan akan mendapat RM2 bagi setiap 350 cek yang dikurangkan.
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Setiap Pelanggan yang Layak hanya layak menerima baucar tunai bernilai maksimum sebanyak RM 1,000.00 setiap suku tahun. ▪ Baucar tunai yang diberi akan dibundarkan kepada puluh RM 10.00 yang terdekat. ▪ Baucer tunai adalah baucar tunai Aeon (bagi Semanjung Malaysia) and baucer tunai KFC (bagi East Malaysia). ▪ Baucar tunai tertakluk kepada ketersediaan dan diberikan berasaskan “dasar datang dahulu layan dahulu” kerana hanya baucar tunai sebanyak RM 450,000.00 telah diperuntukkan untuk Kempen ini. 	

Cabutan Bonus

Kelayakan untuk Cabutan Bonus

- Setiap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini berpeluang memenangi baucar tunai perjalanan bernilai sebanyak RM 5,000.00. Cabutan bonus ini terhad kepada 10 pemenang.
- Tempoh sah laku baucar perjalanan adalah selama 1 tahun dari tarikh terbitan.
- Baucar perjalanan terbuka adalah tertakluk kepada semua terma dan syarat yang dikenakan oleh Penerbit baucar perjalanan terbuka tersebut. RHB adalah bukan Penerbit baucar perjalanan terbuka dan tidak akan menanggung apa-apa tanggungjawab atas baucar tunai perjalanan terbuka tersebut atau natijah menggunakan baucar tunai perjalanan terbuka (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kepada sebab yang timbul daripada ketidakpatuhan terma yang termaktub dalam baucar perjalanan terbuka atau kualiti baucar perjalanan tersebut.)
- Pemenang harus berurusan secara terus dengan Penerbit baucar perjalanan terbuka untuk semua maklumat waranti (jika ada).

6. Baucar tidak akan diberikan secara serta-merta kepada Pelanggan yang Layak.
7. Semua Pelanggan yang Layak akan dimaklumkan oleh RHB sama ada secara bertulis, atau melalui panggilan telefon dari cawangan masing-masing.
8. Pelanggan yang Layak boleh mengambil ganjaran dari cawangan domisil RHB atau baucar tunai tersebut akan dihantar melalui pos ke alamat Pelanggan yang Layak dalam tempoh satu (1) bulan dari penghujung suku tahun masing-masing, iaitu akhir bulan Julai 2018, akhir bulan Oktober 2018 dan akhir bulan Januari 2019.
9. Baucar tunai tidak boleh dipindah milik, ditukarkan dengan wang tunai, kredit atau seumpamanya dengan sebahagian atau sepenuhnya.

Terma dan Syarat Umum

10. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan dengan ini memberikan keizinan dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Kempen ini.
11. Keputusan RHB atas semua perkara berkaitan Kempen ini termasuk penentuan Pelanggan yang Layak adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan oleh RHB.
12. RHB berhak mengikut budi bicaranya, tertakluk kepada RHB telah memberi notis dua puluh satu (21) hari calendar kepada Pelanggan untuk mengubah, mengeluarkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung di sini sepenuhnya atau sebahagiannya mengikut budibicaranya. RHB boleh memberikan notis atau komunikasi sedemikian kepada Pelanggan menerusi apa-apa cara atau kaedah yang difikirkan sesuai oleh RHB termasuk tetapi tidak terhad melalui pos, melalui pemberitahuan dalam media massa, dengan meletakkan notis di cawangan RHB, dengan memasukkan notis ke dalam penyata akaun berkala, atau dengan memuat naik di laman sesawang RHB atau di ATM atau terminal lain di bawah kawalan RHB. Terma dan Syarat terkini boleh didapati di laman web RHB di www.rhbgroup.com dan/atau disediakan atas permintaan daripada cawangan RHB atau mana-mana saluran penyampaian RHB.
13. RHB berhak membatalkan kesemua penyertaan daripada Pelanggan yang Layak di dalam Kempen ini dan melarang Pelanggan tersebut daripada terus menyertai Kempen ini, jika Pelanggan tersebut disyaki tidak mengikut cara dan peraturan serta Terma dan Syarat yang ditetapkan untuk Kempen ini.

14. RHB berhak membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini. Sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen oleh RHB, Pelanggan tidak layak untuk menuntut sebarang ganti rugi atau pampasan daripada RHB bagi apa jua kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak secara langsung atau tidak langsung disebabkan pembatalan, penamatan atau penggantungan ini. RHB hendaklah memberi notis pemberitahuan terlebih dahulu di laman web RHB dan/atau apa jua jenis komunikasi yang dianggap sesuai oleh RHB.
15. Jika ada apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan risalah, bahan pemasaran atau bahan promosi yang berkaitan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan digunapakai.